



---

# PROGRAM HIJAU LINGKUNGAN SEKOLAH

---

PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI



16 OGOS 2017

PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATIN SRI ROBA'AISHAH BINTI MOHD GHAZALI  
PENGERUSI PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**SEMPENA**

**PROGRAM HIJAU LINGKUNGAN SEKOLAH  
PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**PADA 16 OGOS 2017 (RABU)**

**DI TAMAN SINAR HARAPAN, CHERAS**

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM.

Yang Berusaha Saudari Pengacara Majlis;

Yang Berusaha **Tuan Zulkifli bin Hashim, Pengetua Taman Sinar Harapan, Cheras;**

Yang Berbahagia **Datin Damithah binti Burhanuddin**, Timbalan Pengerusi PUSPANITA Cawangan KDN;

Yang Berbahagia **Datin Sri Hajah Noraini binti Haji Man**, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Penjara Malaysia selaku Pengerusi Biro Sukan dan Pembangunan Lestari Hijau, PUSPANITA Cawangan KDN, yang juga merangkap Yang Dipertua PERSIAP Malaysia;

Barisan Tenaga Pengajar dan sukarelawan-sukarelawan dari pihak Kebun Bandar;

Puan-Puan Ahli Jawatan Kuasa PUSPANITA Cawangan KDN serta Jawatan Kuasa PERSIAP Malaysia; dan

Barisan Tenaga Pengajar dan anak-anak Taman Sinar Harapan yang dikasihi sekalian.

Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati,

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLLAHI WABARAKATUH.

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM NEGARAKU MALAYSIA.

1. ALHAMDULILLAH. Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada yang Maha Berkuasa Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kuasaNya, dapat kita bersama-sama lagi pada hari yang penuh bermakna ini.

2. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berbahagia **Datin Sri Hajah Noraini binti Haji Man**, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Penjara Malaysia dan barisan Ahli Jawatan Kuasa PUSPANITA Cawangan Kecil Penjara kerana telah menganjurkan **Program Hijau Lingkungan Sekolah** ini.

3. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berusaha **Tuan Zulkifli bin Hashim, Pengetua Taman Sinar Harapan, Cheras** kerana telah sudi menyediakan tempat dan tanah bagi kami untuk melaksanakan program ini. Tanpa sokongan daripada pihak tuan, tentunya program ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.

4. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak **Kebun Bandar** di atas kerjasama dan tunjuk ajar dalam menjayakan aktiviti penanaman pokok pada hari ini.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

5. Pada hari ini, ahli-ahli PUSPANITA Cawangan KDN amat bertuah kerana diberi peluang untuk mempelajari mengenai **asas-asas berkebun** dan **tanaman lanskap** secara **teori dan amali**. Melalui aktiviti yang dijalankan, ahli-ahli diberi kesedaran mengenai kepentingan untuk **memelihara alam sekitar** menerusi **infrastruktur hijau** (*green infrastructure*) dalam **kawasan perbandaran** seperti yang sama-sama kita telah lakukan dalam Taman Sinar Harapan Cheras ini. Secara tidak langsung aktiviti ini boleh dijadikan sebagai amalan gaya **hidup sihat**. Persekitaran hijau juga dapat **mewujudkan suasana tenang**. Tatkala hati gundah gulana memikirkan pelbagai jenis masalah dan diri stress dengan bebanan kerja, aktiviti berkebun boleh dijadikan sebagai **terapi** untuk memperoleh kehidupan yang seimbang. Dengan hanya memandangi kehijauan tumbuh-tumbuhan pun sudah cukup untuk memberi ketenangan di hati kita sesejuk mata yang memandangi.

6. Namun demikian, saya percaya apa yang lebih mengujakan dan terkesan di hati ahli PUSPANITA semua adalah apabila kita dapat bersama-sama menjalankan aktiviti berkebun dengan para pelajar dan tenaga pengajar Taman Sinar Harapan Cheras sebagai **Rakan Taman** dalam Program Hijau Lingkungan Sekolah pada hari

ini. Mekanisme sosial yang kita jalinkan menerusi aktiviti yang kita jalankan ini telah memberi ruang dan peluang kepada ahli-ahli PUSPANITA KDN untuk **lebih memahami dan mendekati golongan orang kurang upaya (OKU)**. Dan saya percaya aktiviti penanaman pokok dapat dijadikan sebagai salah satu **aktiviti pemulihan** kepada golongan ini, bukan hanya pada hari ini tetapi hari-hari yang seterusnya kerana pokok yang ditanam perlu dijaga dengan rapi sebelum kita dapat menikmati hasilnya.

7. Bagi ahli-ahli PUSPANITA, aktiviti yang kita laksanakan dalam Program Hijau Lingkungan Sekolah ini merupakan salah satu aktiviti **kesukarelawan** yang boleh dipanjangkan dalam masyarakat setempat. Mulakan aktiviti bersama keluarga dahulu, kemudian komuniti dan rakan pejabat.

8. Sebelum mengundur diri, saya bagi pihak PUSPANITA Cawangan KDN mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Zulkifli bin Hashim, Pengetua Taman Sinar Harapan, Cheras di atas segala kerjasama yang telah dilaksanakan. Ampun maaf andainya terdapat kesilapan di pihak kami. Di kesempatan ini juga, saya bagi pihak semua ahli PUSPANITA KDN mendoakan semoga semua pelajar dan tenaga pengajar Taman Sinar Harapan, Cheras sentiasa dalam perlindungan dan rahmat Allah SWT. Semoga aktiviti yang dijalankan ini mendapat keberkatanNya.

9. Akhir kata, tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Ahli Jawatan Kuasa PUSPANITA KDN yang telah

menjayakan Program Hijau Lingkungan Sekolah pada hari ini. Saya akhiri ucapan ini dengan dua rangkap pantun:-

Daun pegaga, buah bidara,  
Ulam-ulaman enak dimakan,  
Bumi hijau harus dipelihara,  
Anugerah terindah ciptaan Tuhan.

Indah malam tanpa pelita,  
Terbang beramai si rama-rama,  
Janganlah lupa peranan kita,  
Persekitaran indah tanggungjawab bersama.

Sekian , terima kasih.

WABILLHAHHITAUFIK WALHIDAYAH.

WASSALAMUALIKUM WARAHMATULLAH HIWABARATUH.